

**DERAF**

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK ROSNAH ABDUL RASHID SHIRLIN  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA  
PERHIMPUNAN BULANAN  
KEMENTERIAN KERJA RAYA  
BAGI BULAN FEBRUARI 2014**

**PADA**

**27 FEBRUARI 2014  
(KHAMIS)**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN TAN SRI MAHFUZ KHALID  
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

**YBhg Datuk Himmat Singh**

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

**YBhg Dato' Seri Ir. Mohd Noor bin Yaakob**

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

**YBrs Encik Sarani bin Dollah**

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

**YBrs Encik Zainudin bin Zakaria**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

**YBrs Ir. Elias bin Ismail**

Pengurus Besar Kanan Sektor Pengurusan

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

**YBrs Sr. Aziz bin Abdullah**

Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes)

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan agensi,

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

## **PENDAHULUAN**

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan syukur kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita semua, warga Kementerian Kerja Raya serta Jabatan/Agensi di bawahnya berkumpul lagi di bulan Februari 2014 ini. Melihatkan kepada kehadiran semua pada pagi ini, jelas menunjukkan komitmen warga KKR bersatu dalam merealisasikan visi yang telah ditetapkan dalam agenda pembangunan negara.

Bersempena kedatangan Tahun Kuda untuk Tahun Baru Cina kali ini yang melambangkan simbol ketekunan, ketangkasan dan ketepatan, saya berharap agar semua warga KKR, tanpa mengira bangsa dan agama, terus berusaha dengan lebih gigih dan mempunyai semangat berpasukan yang tinggi dalam melaksanakan kewajipan tugas yang telah diamanahkan.

## **ISU KADAR TOL LEBUHRAYA**

1. Dalam senario semasa, kita dapat lihat dengan jelas bahawa kerajaan sedang melaksanakan dasar rasionalisasi subsidi secara berperingkat demi menjamin kesejahteraan rakyat. Walaupun tindakan ini sedikit sebanyak meningkatkan kos sara hidup, tetapi tidaklah sampai kepada peningkatan mendadak harga barangan. Namun, terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab dengan sewenang-wenangnya mengaut keuntungan daripada rakyat dengan menaikkan harga barangan sesuka hati. Pada masa yang sama, terdapat pula pihak yang menyebarkan khabar angin terutamanya dalam media sosial

tentang kenaikan kadar tol, lama sebelum sebarang pengumuman rasmi dibuat.

2. Berikutan keprihatinan kerajaan terhadap isu kos sara hidup yang semakin meningkat, Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan, bermatlamat untuk meringankan beban rakyat. Penubuhan Jawatankuasa tersebut bertujuan mengkaji langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan kos sara hidup yang melibatkan perbincangan bersemuka dengan pengedar dan pembekal barangan serta perkhidmatan.

3. Seiring dengan matlamat tersebut, maka kerajaan telah membuat keputusan agar 14 lebuhraya yang sepatutnya menaikkan kadar tol pada tahun ini, tidak akan berbuat demikian. Sehubungan itu, kerajaan perlu membayar pampasan sebanyak RM400 juta kepada syarikat konsesi terlibat. Pampasan berkenaan bukan hanya dapat memenuhi keperluan kewangan, malah syarikat konsesi dapat terus menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pengguna lebuhraya secara berterusan, seiring dengan aspirasi kerajaan untuk terus memberi keselesaan dan kemudahan akses kepada penduduk setempat khususnya pengguna lebuhraya.

4. Selain itu, Kementerian akan membuat kajian menyeluruh dan rundingan berhubung konsesi tol sedia dalam konteks jangka panjang dengan mengkaji terma yang boleh dipersetujui bersama dengan pihak konsesi. Tindakan ini dilaksanakan oleh kerajaan semata-mata atas dasar mengambil kira kepentingan rakyat di samping mengelakkan

kemungkinan adanya pihak yang mengambil kesempatan di atas isu tersebut dengan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan.

5. Menyebut tentang lebuhraya, saya ingin menyatakan di sini bahawa sebuah projek lebuhraya yang akan dibuka iaitu Jambatan Pulau Pinang Kedua yang dijangka akan dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita pada 1 Mac 2014 ini. Projek Jambatan Pulau Pinang Kedua merupakan projek mega kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) bagi memangkin pertumbuhan ekonomi selaras dengan pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Jambatan sepanjang 24 kilometer yang menelan belanja sebanyak RM4.5 bilion ini bakal melakar sejarah sebagai jambatan terpanjang di Asia Tenggara dengan menyediakan jaringan perhubungan yang baik serta meningkatkan kecekapan hubungan perdagangan dan kemudahan logistik yang seterusnya mampu merangsang pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang termasuk kawasan utara Semenanjung Malaysia. Selain itu, jambatan ini dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan yang berlaku di Jambatan Pulau Pinang sedia ada dengan menawarkan alternatif kepada pengguna lebuhraya yang menuju ke Pulau Pinang dan sebaliknya.

6. Selain itu, pembukaan persimpangan Bertingkat Lebuhraya PLUS di Sungai Buaya, Rawang, Persimpangan Bertingkat Lebuhraya PLUS di Bukit Gambir, Muar dan sebahagian jajaran Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) kepada laluan awam bulan lepas, bukan hanya mampu menjimatkan masa perjalanan buat penduduk setempat malah pada masa yang sama turut menyediakan akses kepada pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) setempat. Kesemua usaha ini jelas

membuktikan kesungguhan kerajaan meningkatkan taraf kemudahan infrastruktur demi keselesaan bersama.

## **PENGURUSAN BENCANA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kejadian banjir yang melanda Pahang, Terengganu, Melaka, Johor, Sabah dan Sarawak baru-baru ini memberi kesan mendalam kepada penduduk setempat terutamanya yang kehilangan keluarga dan mengalami kemusnahan harta benda. Seluruh rakyat Malaysia juga terkesan melihat derita yang ditanggung oleh mangsa banjir sehingga kita semua tanpa mengira bangsa, agama dan kefahaman, bersatu-padu memberi sumbangan makanan, pakaian, wang ringgit dan apa saja yang termampu untuk sama-sama membantu meringankan beban. Sikap saling bantu-membantu ini jelas menggambarkan keharmonian semangat 1Malaysia yang wujud dalam kalangan rakyat negara ini di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri.

8. KKR juga melalui Jabatan dan Agensi telah menambahbaik *Standard Operation Procedure* (SOP) sedia ada bagi membolehkannya digunakan dalam keadaan kecemasan luar jangka seperti kejadian banjir di Pahang dan Terengganu. KKR dan Jabatan/Agensi juga telah menubuhkan pasukan pengurusan bencana bagi membolehkan tindakan serta-merta dilakukan sekiranya berlaku kecemasan seperti hubungan jalan terputus, runtuh tanah dan jambatan, kerosakan bangunan dan lain-lain akibat bencana. Selain itu, program *Corporate Social Responsibility* (CSR) seperti aktiviti gotong-royong bagi membantu mangsa banjir dan pembaikan bangunan awam melibatkan pelatih-

pelatih Akademi Binaan Malaysia juga telah dan akan terus dilaksanakan.

## **TRANSFORMASI MEDIA BARU**

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Usaha-usaha sebegini dilaksanakan semata-mata untuk kepentingan rakyat, bukannya bermatlamatkan kepentingan politik. Namun, masih ada pihak-pihak tertentu yang memanipulasikan kebaikan kerajaan demi mencapai agenda politik masing-masing. Untuk mengelakkan terjadi persepsi yang salah terhadap usaha-usaha yang kita laksanakan, KKR perlu memberi penjelasan yang tepat dan sahih kepada orang ramai. Oleh itu, seiring dengan hasrat untuk meningkatkan imej KKR, kaedah penyampaian perkhidmatan perlu diperluaskan dengan menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, blog, *YouTube*, *Instagram* dan lain-lain. Lebih-lebih lagi dengan jangkaan peningkatan bilangan pengguna Internet di Malaysia kepada 25 juta menjelang 2015 berbanding 18 juta pada 2012 (Laporan Ekonomi 2013/2014 oleh Kementerian Kewangan), maka KKR dan Jabatan/Agensi perlu turut serta dalam arus perkembangan media baru ini, agar tidak ketinggalan.

10. Sehubungan itu, kepantasan dan ketepatan penyebaran maklumat perkhidmatan awam perlu dipergiatkan melalui penggunaan media sosial secara intensif demi mendekatkan kerajaan dengan rakyat terutamanya generasi muda yang menggunakan Internet hampir setiap masa untuk mendapatkan maklumat. Sebagai langkah permulaan, kesemua Jabatan dan Agensi di bawah KKR perlu mempunyai akaun media sosial untuk

memastikan penyampaian maklumat yang lebih inklusif dan berkesan. Saya juga menyeru seluruh warga KKR untuk sama-sama berkongsi (*Share*) dan membantu menyalurkan maklumat rasmi yang dikeluarkan di laman *Facebook* dan *Twitter* rasmi Kementerian Kerja Raya supaya orang awam dapat menerima maklumat yang sahih dan tidak terpengaruh dengan putar belit sesetengah pihak.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan di perhimpunan kali kedua tahun ini, besar harapan saya agar seluruh warga KKR berusaha menjalankan tugas dengan beramanah dan berintegriti, khususnya demi menjaga nama baik perkhidmatan awam. Pada zaman siber ini, setiap tindakan dan keputusan kita sentiasa dinilai dan dikritik oleh masyarakat di luar sana melalui pemerhatian mereka dalam dunia bermaklumat tanpa sempadan. Justeru, peliharalah integriti kita sebagai penjawat awam bagi memastikan tidak berlakunya ketirisan wang mahupun maklumat yang mampu menggugat keutuhan perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian, In Shaa Allah.

Sekian, terima kasih.